



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



SIARAN MEDIA



LAWATAN PERDANA MENTERI KE REPUBLIK KOREA RAIH RM32.8 BILION POTENSI PELABURAN, RM1.3 BILION POTENSI EKSPORT

Lawatan Rasmi Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim ke Republik Korea (ROK) dari 24-26 November 2024 telah berjaya menjana **potensi pelaburan** sebanyak **RM32.8 bilion** dan **potensi eksport** sebanyak **RM1.3 bilion** untuk Malaysia.

Potensi pelaburan merangkumi sektor-sektor kimia, automotif termasuk kenderaan elektrik (EV), logam untuk aplikasi EV, biofarmaseutikal, serta teknologi hijau seperti teknologi pemerangkapan, dan penyimpanan karbon (*Carbon Capture and Storage - CCS*) dan hidrogen/ammonia hijau. Bagi potensi eksport pula, produk yang bakal diimport oleh ROK dari Malaysia termasuk minyak sawit, bahan bakar bio, produk makanan serta bahan kegunaan industri francais (seperti sarung tangan industri).

Kejayaan ini mencerminkan keyakinan pelabur dan pengimport Korea terhadap landskap ekonomi Malaysia, sekali gus memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai rakan dagang yang dipercayai oleh ROK. YAB Perdana Menteri turut diiringi oleh YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri.

Potensi pelaburan dan potensi eksport ini telah berjaya dijana dari enam sesi pertemuan bersama syarikat-syarikat utama ROK yang telah diaturkan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI). Antara syarikat-syarikat tersebut adalah Hyundai Motor Company, OCI, Samsung Group, SK Group, POSCO Group dan Lotte International Co. Ltd. Selain itu, MITI juga telah mengatur satu sesi khas (*C-suite Insight Session*) untuk YAB Perdana Menteri bertemu dengan Pengerusi Federation of Korean Industries (FKI), pengerusi, presiden dan ketua pegawai eksekutif dari 7 syarikat utama di ROK, yang telah berkongsi pelan-pelan projek mereka di Malaysia.

Tengku Zafrul berkata, “ROK merupakan rakan perdagangan yang penting dan salah satu pelabur yang utama di Malaysia. Justeru, kami mengalu-alukan potensi pelaburan RM32.8 bilion, serta potensi eksport RM1.3 bilion oleh syarikat-syarikat ROK yang pasti akan memperdalamkan hubungan perdagangan dan pelaburan dua hala Malaysia-ROK. Kami mengalu-alukan kerjasama dalam pelbagai bidang baharu dan berpotensi tinggi seperti otomotif, tenaga boleh baharu, teknologi hijau, industri halal, pembuatan maju dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*), terutamanya dengan hubungan diplomatik dinaif taraf ke Kerjasama Strategik (*Strategic Partnership*). Kerjasama ini akan membolehkan kita merebut peluang baharu dan seterusnya mencapai objektif Pelan Induk Perindustrian Baharu Malaysia (NIMP) 2030 yang bakal memberi impak positif kepada ekonomi.”

MITI melalui MATRADE juga mengaturkan **penyertaan 9 syarikat Malaysia dan 1 dewan perniagaan dalam lawatan rasmi ke ROK**. Sebanyak 50 program padanan perniagaan yang diaturkan telah membolehkan syarikat Malaysia dan ROK membina kerjasama dan kolaborasi perniagaan pada masa hadapan.

Sebuah **Forum Perniagaan Malaysia-Korea** juga telah diadakan dengan penyertaan seramai **210 peserta, mewakili 147 syarikat Korea** dari pelbagai industri seperti **semikonduktor, perlombongan, teknologi kewangan (*fintech*), aeroangkasa, bahan kimia, dan makanan**. Forum Perniagaan ini telah memberi peluang kepada syarikat-syarikat ROK untuk berinteraksi secara aktif dengan YAB Perdana Menteri dan YB Menteri MITI. Semasa Forum Perniagaan tersebut, YAB Perdana Menteri telah berkongsi mengenai dasar-dasar Malaysia serta komitmen Kerajaan untuk kekal dengan pendekatan mesra perniagaan dan pelabur, di samping mempromosi Malaysia sebagai negara perdagangan dan industri global yang kompetitif.

Mengambil kesempatan ini, YB Menteri MITI juga mengadakan **mesyuarat dua hala** dengan **Menteri Perdagangan, Kementerian Perdagangan, Industri dan Tenaga (MOTIE) ROK, TYT Cheong Inkyo** untuk membincangkan pelbagai isu, termasuk status rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Korea (MKFTA) yang dijangka dimuktamadkan pada tahun hadapan. Kedua-dua Menteri turut menyaksikan **pertukaran tiga (3) Memorandum Persefahaman (MOU)** antara syarikat-syarikat Malaysia dan Korea dalam

bidang promosi perdagangan, komunikasi maklumat dan teknologi serta hidrogen dan pembangunan bandar pintar.

Malaysia dan ROK mempunyai hubungan perdagangan dan pelaburan yang kukuh serta dinamik sepanjang dekad yang lalu. Bagi **sepuluh bulan pertama tahun ini**, prestasi perdagangan global Malaysia menunjukkan daya tahan yang membanggakan, dengan **peningkatan sebanyak 9.3%** berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu. Dalam tempoh ini juga, **perdagangan dua hala antara Malaysia dan ROK** mencapai **RM91.11 bilion (USD19.84 bilion)**, terdapat sedikit **penurunan sebanyak 0.8%** berbanding tempoh yang sama pada tahun 2023. Meskipun begitu, ROK tetap kekal sebagai salah satu daripada sepuluh rakan dagang utama Malaysia.

Dari segi **pelaburan asing** pula, ROK adalah salah satu negara sumber pelabur terpenting dalam sektor pembuatan sejak tahun 1980. Sehingga Jun 2024, jumlah nilai pelaburan dengan penyertaan ROK yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 399 projek bernilai RM43.9 bilion (USD11.7 bilion) dan telah mewujudkan sebanyak 49,234 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan tersebut, sektor pembuatan melibatkan 392 projek bernilai RM43.1 bilion (USD11.5 billion) manakala sektor perkhidmatan melibatkan 7 projek bernilai RM800 juta (USD183.3 juta).

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

26 NOVEMBER 2024

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



603-80008000



www.miti.gov.my



webmiti@miti.gov.my



PEMACU POTENSI GLOBAL